

ANALISIS STRUKTUR FOKUS DALAM KOMUNIKASI ARAHAN GURU DALAM BILIK DARJAH

FARAH NUR A.HAMID
Universiti Kebangsaan Malaysia
farahnur_abd_hamid@yahoo.com.my

MASLIDA YUSOF
Universiti Kebangsaan Malaysia
maslida@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini meneliti aspek komunikasi lisan bentuk arahan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Arahan merupakan sebahagian daripada komunikasi lisan guru bersama murid di dalam kelas semasa berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Kejelasan dan kesesuaian nada arahan guru amatlah penting untuk guru mengawal kelas serta dapat menyampaikan isi pelajaran kepada murid dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengenal pasti nada arahan guru dengan membandingkan bahagian-bahagian yang mengalami penekanan atau fokus ketika ujaran arahan diberikan kepada murid. Responden kajian terdiri daripada murid Tahun 1 hingga Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Seri Pengkalan, Batu Pahat, Johor. Kajian ini juga melibatkan seramai 6 orang guru yang mengajar subjek Bahasa Malaysia, Matematik, Sains, Kajian Tempatan dan Pendidikan Islam. Secara tidak langsung, makalah ini memperjelaskan hubungan komunikasi lisan terhadap penyampaian arahan dengan makna arahan yang disampaikan guru. Pengumpulan data dilakukan dengan merakam proses pengajaran dan pembelajaran untuk mendapatkan ujaran arahan yang tepat. Sistem *praat* digunakan untuk menentukan penekanan arahan guru. Analisis data rakaman juga berpandukan model struktur fokus Van Valin (2005) yang melibatkan fokus ayat, fokus predikat dan fokus sempit. Hasil kajian menunjukkan guru menggunakan teknik struktur fokus iaitu fokus ayat, fokus predikat dan fokus sempit dalam penyampaian arahan ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: intonasi; struktur fokus; arahan guru; sistem *praat*; Van Valin

AN ANALYSIS OF FOCUS STRUCTURE IN INSTRUCTION COMMUNICATION BY TEACHERS IN THE CLASSROOM

ABSTRACT

This study examines the aspects of oral communication in teaching and learning processes in the classroom. Instructions are part of teacher's oral communication with students in the classroom during the teaching and learning process. Clarity and appropriateness of tone in the teacher's instructions are important to control the classroom and to deliver content to students effectively. This study identifies the teacher's instruction tones by comparing part of suppression or focus in speech. The respondents comprised of students from Year 1 to Year 5 at Sekolah Kebangsaan Seri Batu, Batu Pahat, Johor. The study involves Bahasa Malaysia, Mathematics, Science, Kajian Tempatan dan Pendidikan Islam teachers. Incidentally, this paper clarifies the oral

communications in delivering instructions by the teacher in the classroom. Definite utterances are recorded during the teaching and learning sessions. Praat system and focused structure model by Van Valin (2005) are used to determine the processes. Consequently, the results show that the teachers use focused structure techniques namely sentence focus, predicate focus and narrow focus in delivering instruction while teaching and learning process occur.

Keywords: intonations; focused structure; teacher instructions; Praat system; Van Valin

PENGENALAN

Komunikasi sentiasa memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia dan penguasaannya akan mempengaruhi keberkesanan kehidupan manusia (Saidatul Nornis, 2011). Komunikasi merujuk kepada pertukaran dan pengaliran maklumat daripada seseorang kepada orang yang lain. Komunikasi dapat menghubungkan dua belah pihak bagi tujuan menyampaikan maklumat (Mohd. Yusof et.al., 2011). Proses penghantaran mesej daripada penghantar kepada penerima dikenali sebagai komunikasi. Komunikasi berkesan hanya akan berlaku apabila penerima memahami mesej yang dihantar dengan tepat. Komunikasi dan interaksi di dalam bilik darjah adalah penting dalam usaha mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Proses komunikasi berlaku dalam hampir segala jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Mok Soon Sang, 2000). Malah kepentingannya dalam pendidikan juga turut diakui Ee Ah Meng (1999) yang menjelaskan, komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru yang tiada kemahiran komunikasi dan interaksi akan mewujudkan kelas yang tidak kondusif menyebabkan murid-muridnya tidak bermotivasi.

Keberkesanan komunikasi lisan berbentuk arahan juga penting dalam memastikan proses pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan lancar. Salah satu ciri untuk mewujudkan komunikasi berkesan adalah ciri kefahaman (Abdullah et. al., 1999). Dalam mewujudkan komunikasi berkesan terdapat beberapa perkara, antaranya ialah mewujudkan kefahaman yang sama mengenai ayat-ayat yang diujarkan (Maimunah, 2000). Murid yang dapat memberikan perhatian, memahami serta bertindak balas terhadap komunikasi bersama guru terhadap arahan yang didengarnya adalah kesan dari penggunaan teknik yang digunakan guru. Ini membuktikan bahawa guru tersebut mahir dalam berkomunikasi di dalam kelas.

Kajian mendapati bahawa wujud hubungan guru dengan pengaplikasian teknik penyampaian arahan kepada murid di dalam kelas. Terdapat tiga jenis teknik fokus yang diaplikasikan guru iaitu fokus ayat, fokus predikat dan fokus sempit. Guru mengaplikasikan teknik fokus ini semasa menyampaikan arahan dapat membantu murid memahami kehendak guru dan maklumat yang diujarkan dapat difahami. Ini sejajar dengan kenyataan Baker (1982) yang menjelaskan, melalui komunikasi seorang guru bertindak sebagai pencetus utama dalam penyampaian maklumat di dalam kelas. Dalam kajian beliau juga membuktikan bahawa keberkesanan komunikasi arahan secara lisan yang diujarkan guru adalah sebagai pencetus utama dalam kefahaman murid terhadap arahan yang diberikan. Guru yang mempunyai kemahiran ini dapat menjalankan fungsinya sebagai pendidik dan menjadikan interaksi di dalam bilik darjah menjadi lebih menarik dan menjadi petanda kepada komitmen dan kesungguhan guru dalam menyampaikan arahnya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Arahan merupakan sebahagian dari komunikasi lisan yang banyak berlaku di dalam kelas sebagai mana dinyatakan Munsyi Mohar (2009) bahawa, antara komunikasi lisan yang digunakan guru ialah arahan. Ketika guru memberikan arahan, guru memerlukan kemahiran dan teknik untuk memastikan arahan tersebut dipatuhi murid. Kajian Nor Shafrin et al. (2009) mendapati murid tidak faham dengan tugas yang diberikan guru kerana guru tidak dapat memberikan arahan yang tepat serta jelas. Ini bermakna dalam memastikan murid akur dengan arahan guru, guru perlu memberikan arahan yang tepat, jelas serta sesuai dengan tahap murid.

Pengawalan suara yang baik dapat meningkatkan keberkesanan dalam komunikasi lisan (Abdul Muati, 2001). Antara pengawalan suara yang dimaksudkan ialah nada, dimana nada arahan kita perlu ada tinggi rendahnya. Nada tinggi digunakan untuk penekanan sesuatu hujah atau perkataan. Ini bermakna guru perlu mempunyai pengawalan suara yang baik ketika memberikan arahan kepada murid. Ini juga dapat dibuktikan Noraini Idris (2005), menyatakan guru perlu menekan dan meninggikan suara untuk memberikan kefahaman kepada murid. Lantaran itu, guru perlu mempunyai kemahiran mengaplikasikan nada suara yang baik ketika memberikan arahan dengan memberikan penekanan kepada bahagian-bahagian yang penting semasa ujaran arahan berlangsung untuk difahami murid.

JADUAL 1: Contoh Penekanan Ujaran dalam Ayat

BIL	Ujaran	Makna
1	'Saya tidak suka makan ROTI'	memberi tekanan kepada perkataan ROTI yang membawa maksud penolakkan terhadap roti dengan sekeras-kerasnya. Penolakkan ditekankan kepada roti dan bukannya makanan lain.
2	'Saya tidak suka MAKAN roti'	memberi tekanan kepada perkataan MAKANAN yang membawa maksud penekanan kepada perbuatan sekeras-kerasnya. Dialog yang diujarkan ditekankan kepada perbuatan makan dan bukan perbuatan lain.
3	'Saya TIDAK SUKA makan roti'	memberi tekanan kepada perkataan TIDAK SUKA yang membawa maksud penekanan kepada perasaan atau rasa sekeras-kerasnya. Dialog yang diujarkan ditekankan kepada perasaan tidak suka dan bukan sebaliknya.
4	'SAYA tidak suka makan roti'	memberi tekanan kepada perkataan SAYA yang membawa maksud penekanan terhadap dirinya sendiri. Dialog yang diujarkan ditekankan kepada diri sendiri dan bukan orang lain.

Nik Safiah Karim et al. (2008) menyatakan dalam penyampaian arahan, intonasi melibatkan penandaan tekanan pada bahagian-bahagian tertentu ayat. *Kamus Dewan* (2013), menyatakan makna tekanan suara ialah kata yang diucapkan lebih keras daripada yang lain dan pengucapan kata yang dikuatkan. Muhammad Faisal (2012), menyatakan bahawa penekanan nada keras terhadap kata-kata tertentu akan menyampaikan emosi dan maksud yang berbeza. Tekanan nada ini penting dalam penyampaian kerana ia memberikan maklumat yang berbeza. Penekanan ujaran yang dikemukakan Muhammad Faizal (2012) adalah seperti Jadual 1 untuk menggambarkan aspek tekanan dalam intonasi suara.

Kajian ini memperlihatkan komunikasi arahan secara lisan yang diujarkan guru. Komunikasi arahan secara lisan adalah penting untuk menyampaikan sesuatu arahan di dalam kelas. Teknik ini menekankan beberapa aspek intonasi dan gaya pengucapan guru memberikan

arahan yang betul, tepat, jelas dan bersesuaian dengan latar dan situasi pada masa itu untuk menyampaikan maksud arahan guru kepada murid. Intonasi tekanan nada atau penonjolan kata pada bahagian-bahagian arahan guru perlulah sesuai dengan maksud yang hendak disampaikan. Teknik ini menekankan beberapa aspek fokus arahan dan gaya pengucapan guru memberikan arahan yang betul, tepat, jelas dan bersesuaian dengan latar dan situasi pada masa itu untuk menyampaikan maksud arahan guru kepada murid. Fokus arahan guru atau penonjolan tekanan pada bahagian-bahagian arahan guru perlulah sesuai dengan maksud yang hendak disampaikan.


Penguasaan teknik pengajaran yang berkesan dan menarik harus dititikberatkan guru dan bukan hanya bergantung kepada penyaluran ilmu akademik semata-mata. Lantaran itu, pendekatan komunikasi bilik darjah seperti penyampaian arahan merupakan satu mekanisme hubungan sosial yang menentukan kualiti pengajaran. Dalam penyampaian arahan, guru perlu memberikan arahan yang tepat serta jelas kepada murid agar murid bukan sahaja dapat memahami input yang hendak disampaikan tetapi juga bertindak sebagaimana dikehendaki guru. Ini bermakna guru perlu mempunyai kemahiran mengaplikasi intonasi dan nada suara yang baik semasa memberikan arahan dengan memberikan penekanan kepada bahagian-bahagian yang penting semasa ujaran berlangsung untuk difahami muridnya

Kajian ini juga melihat keberkesanan penyampaian (komunikasi lisan) melalui teknik penyampaian arahan yang berkesan dan kena pada tempatnya dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan, iaitu murid berada dalam kawalan guru dan akur dengan arahan guru serta memahami isi pelajaran yang disampaikan guru atau sebaliknya.

METODOLOGI

Kajian ini meneliti bagaimana guru memberikan arahan kepada murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Data diperolehi dengan merakam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di dalam kelas. Sebanyak 6 orang guru dan 100 orang murid yang terlibat dalam pengumpulan data ini.

Kesemua penganalisan yang dilakukan untuk menentukan cara guru memberikan arahan yang melibatkan intonasi tekanan nada menggunakan program yang dinamakan *Praat*. *Praat* merupakan program komputer khusus untuk menganalisis data bunyi. Contoh penggunaan *praat* seperti Rajah 1.



RAJAH 1: Contoh Penggunaan *Praat*

Analisis *Praat* akan memperlihatkan bahagian-bahagian ayat yang mengalami tekanan sama ada keseluruhan ayat atau perkataan-perkataan tertentu. Hal ini sejajar dengan Nik Safiah Karim et al. (2008) yang menyatakan dalam penyampaian arahan, intonasi melibatkan penandaan tekanan pada bahagian-bahagian tertentu ayat. Bahagian yang mengalami penekanan merujuk kepada bahagian yang difokuskan penutur ujaran tersebut. Dalam analisis *Praat*, bahagian yang mengalami tekanan ditunjukkan lakaran yang gelap.

Setelah dikenal pasti bahagian-bahagian ayat yang mengalami tekanan ketika penyampaian arahan, kajian ini seterusnya akan menggunakan klasifikasi struktur fokus yang dicadangkan Van Valin (2005) untuk menentukan jenis-jenis fokus yang berlaku dalam ayat tersebut. Van Valin membahagikan struktur fokus ke dalam tiga kategori iaitu fokus ayat, fokus predikat dan fokus sempit. Fokus sempit adalah apabila sesuatu konstituen seperti frasa nama diberi fokus. Dalam keadaan biasa ayat yang mempunyai aturan subjek-predikat, iaitu predikat dijadikan fokus dan subjek merupakan praandaian pragmatik maka predikat tersebut dipanggil sebagai fokus predikat. Dalam fokus ayat pula, pemberian fokus melangkaui kedua-dua subjek dan predikat di mana susunan fokus-ayat keseluruhan klausa adalah dalam fokus domain. Berikut ditunjukkan contoh bagi setiap struktur fokus dalam ayat.

Fokus Ayat

Situasi : Ali baru pulang dari tandas
Arahan guru : ALI KELUARKAN BUKU BACAAN

Dalam situasi ini, apabila Ali pulang dari tandas, tidak ada praandaian pragmatik yang boleh dikaitkan dengan apa yang berlaku di dalam kelas. Malah, arahan yang diberikan sebagai keseluruhan yang baru. Dengan demikian, struktur ini, domain fokus merupakan keseluruhan klausa dan tidak ada subjek topikal. Struktur maklumat bagi situasi berkenaan adalah seperti berikut :

Situasi : Ali baru pulang dari tandas
Arahan guru : ALI KELUARKAN BUKU BACAAN
Praandaian : 'tiada'
Pernyataan : 'buku bacaan kepunyaan pendengar'
Fokus : 'buku bacaan kepunyaan pendengar'
Fokus domain : ayat
Maklumat lama : tiada
Maklumat baru : keluarkan buku bacaan

Situasi berkenaan, keseluruhan ayat ditegaskan. Arahan guru tidak mempunyai topik yang dipraandaikan.

Fokus Predikat

Situasi : Ali sedang minum sambil berdiri
Arahan guru : Ali, minum DUDUK.

Sebagaimana yang dapat dilihat pada ayat berkenaan, arahan yang diberikan adalah mengenai perbuatan Ali yang sedang minum. Praandaian arahan guru ialah murid sedang berdiri. Penegasan merangkumi praandaian dan perbuatan Ali yang sedang minum. Oleh itu membentuk hubungan antara situasi dan arahan. Gambaran struktur maklumat adalah seperti berikut:

Situasi	:	Ali sedang minum sambil berdiri
Arahan guru	:	Ali, minum DUDUK.
Praandaian	:	pendengar sedang melakukan sesuatu
Penegasan	:	sesuatu perlu dilakukan oleh pendengar
Fokus	:	duduk
Fokus domain	:	frasa kerja
Maklumat baru	:	duduk
Maklumat lama	:	berdiri

Analisis kenyataan tersebut berdasarkan situasi semasa guru memberikan arahan serta maklumat lama dan maklumat baru pendengar atau murid. Fokus sempit dan fokus predikat akan terdapat maklumat baru dan maklumat lama. Sementara fokus ayat memerlukan 2 maklumat baru. Kajian ini akan memperlihatkan dua bahagian iaitu dimana kekerapan fokus diberikan guru semasa memberikan arahan dan kesan tindak balas murid yang paling cepat serta menepati arahan guru.

Fokus Sempit

Situasi	:	Ali tersilap ambil bola (bola jaring) .
Arahan guru	:	Ali pergi ambil BOLA RAGBI.

Dalam berkenaan hanya *bola sepak* yang tidak dipraandaikan. Guru yang memberikan arahan ini, sudah mengetahui bahawa murid tersilap mengambil bola dan perlu melakukan sesuatu ke atas bola tersebut. Penegasan murid pula adalah terhadap bola sepak. Oleh itu, maklumat yang tidak diramalkan di tambah dengan praandaian menyebabkan bola sepak difokuskan. Struktur maklumat bagi situasi berkenaan ialah seperti berikut :

Situasi	:	Ali tersilap ambil ragbi (bola jaring) .
Arahan guru	:	Ali pergi ambil BOLA RAGBI.
Praandaian	:	'pendengar perlu melakukan sesuatu'
Kenyataan	:	x = 'bola ragbi'
Fokus	:	bola ragbi
Fokus domain	:	frasa nama
Maklumat baru	:	bola ragbi
Maklumat lama	:	boa jarring

Praandaian 'perlu melakukan sesuatu' dikaitkan dengan ayat dan penegasan adalah terhadap bola sepak dan bukan sesuatu yang lain. Oleh itu, domain fokus adalah terbatas kepada frasa nama *bola sepak*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Abdull Sukor Shaari (2008) menyatakan guru berkesan didefinisikan sebagai pendidik yang baik dan mampu membawa perubahan tingkah laku kepada muridnya. Ini bermakna semasa memberikan arahan di dalam kelas, guru mampu mengambil perhatian murid untuk mendengar arahan yang disampaikannya dan pada masa yang sama murid tersebut memberikan tindak balas terhadap arahan yang didengarnya. Teven et al. (2004) menjelaskan kemahiran menyampaikan arahan penting kepada guru untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Kebolehan guru menyebut dengan jelas merupakan sebahagian komunikasi memberi arahan yang berkesan (Mok, 2006). Oleh itu, kemahiran memberikan arahan merupakan satu teknik penting yang perlu dikuasai setiap guru.

Kajian ini mendapati bahawa pelbagai jenis ayat arahan telah dijumpai dalam kajian ini. Ayat arahan yang dikenal pasti ialah ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan dan ayat permintaan. Nik Safiah Karim et al. (2008) menyatakan bahawa dalam percakapan manusia sehari-hari nada suara adalah berbeza-beza, adakalanya meninggi dan adakalanya merendah. Dalam kajian ini, ayat arahan yang diujarkan guru juga mempunyai unsur tekanan yang berbeza-beza. Terdapat unsur tekanan yang diberikan pada ayat arahan pada awal, tengah, akhir mahupun keseluruhan ayat tersebut. Di mana sahaja unsur atau bahagian ayat mengalami tekanan, penekanan ini menunjukkan kesan bahagian ayat itu yang dijadikan fokus yang ingin ditonjolkan penutur.

Secara keseluruhan, guru di dalam kelas juga menggunakan komunikasi lisan sebagaimana yang digunakan di luar bilik darjah. Namun, dalam komunikasi guru, ayat arahan yang kerap diujarkan oleh kalangan guru khususnya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Dalam pengujaran ayat arahan, guru didapati memberi penekanan kepada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat arahan yang diujarkan. Penekanan inilah yang dinamakan sebagai fokus ujaran. Van Vallin (2005) membahagikan tiga jenis fokus dalam ayat iaitu fokus predikat, fokus sempit dan fokus ayat. Dalam kajian ini, didapati guru juga menggunakan ayat-ayat arahan yang boleh dibahagikan kepada tiga jenis penekanan ayat arahan iaitu fokus predikat, fokus sempit dan fokus ayat.


Fokus Ayat

Dalam susunan fokus ayat, keseluruhan klausa adalah dalam fokus domain, maka tiada topik di situ. Tiada andaian pragmatik yang lazimnya diutarakan. Dalam kajian ini, terdapat fokus predikat yang digunakan guru untuk mengujarkan ayat arahan dalam pengajarannya. Ia dapat dilihat seperti Jadual 2.


JADUAL 2: Jumlah Bilangan Fokus Ayat

Bilangan Data Ujaran Arahan Guru	Peratus (%)
87	21.8%


Jadual 2 menunjukkan bahawa bilangan ujaran arahan guru yang memberi fokus terhadap ayat adalah sebanyak 87 dan bersamaan 21.8%. Penekanan terhadap fokus ayat yang diujarkan guru ini ialah keseluruhan ayat atau klausa diberi penekanan atau fokus semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Dalam kajian ini ayat suruhan, ayat silaan, ayat permintaan dan ayat larangan ditemui terhadap fokus ayat. Contoh spektogram ayat arahan yang diujarkan guru terhadap fokus ayat ialah:




RAJAH 2: Ayat Suruhan



RAJAH 3: Ayat Larangan



RAJAH 4: Ayat Silaan



RAJAH 5: Ayat Permintaan

Ayat arahan guru menggunakan teknik fokus ayat kerana keseluruhan klausa diberikan fokus. Ayat arahan ini menjadikan keseluruhan klausa menjadi fokus domain. Selain itu, ayat arahan ini tidak mempunyai topik di situ. Ujaran ayat arahan guru ini tiada andaian pragmatik yang boleh dikaitkan. Dalam penyampaian arahan guru dalam kelas, pemberian kepada fokus ayat dapat membantu murid memahami arahan dengan lebih jelas.


Fokus Predikat

Dalam fokus predikat, terdapat topik yang memasuki pragmatik andaian dan predikat menyatakan ulasan mengenai topik tersebut. Dalam kajian ini, terdapat fokus predikat yang digunakan oleh guru untuk mengujarkan ayat arahan dalam pengajarannya. Ia dapat dilihat pada Jadual 3.

JADUAL 3: Jumlah Bilangan Fokus Predikat


Bilangan Data Ujaran Arahan Guru	Peratus (%)
100	25.1%

Jadual 3 menunjukkan bahawa bilangan ujaran arahan guru yang memberi fokus terhadap predikat adalah sebanyak 100 data arahan guru yang bersamaan 25.1%. Penekanan terhadap fokus predikat yang diujarkan oleh guru ini ialah bahagian yang menerangkan subjek dan ini bermakna guru menekan atau memberikan fokus arahnya terhadap apa yang perlu dilakukan oleh murid atau meminta murid melakukan sesuatu semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Dalam kajian ini ayat arahan silaan dan ayat arahan larangan yang memberi penekanan terhadap fokus predikat tidak ditemui. Ini bermakna ayat arahan suruhan dan ayat arahan permintaan yang wujud dalam arahan guru di dalam kelas. Contoh spektogram ayat arahan yang diujarkan oleh guru terhadap fokus predikat ayat suruhan dan ayat permintaan ialah:




RAJAH 6: Ayat Suruhan

Frasa 'tebuk tangan' difokuskan dan ditekankan oleh guru dan ia ditunjukkan kepada semua murid. Didapati bahawa kata ganti diri pertama digugurkan.



RAJAH 7: Ayat Permintaan



RAJAH 8: Ayat Larangan

Kajian mendapati bahawa penyampaian arahan guru di dalam kelas membina rujukan kepada murid. Guru menggunakan teknik fokus predikat semasa memberikan arahan untuk memberikan penegasan terhadap rujukan arahnya. Penyampaian ayat dalam arahan fokus predikat terdapat dua maklumat yang diberikan iaitu maklumat lama dan maklumat baru yang boleh dikaitkan.


Fokus Sempit

Dalam struktur fokus sempit, fokus domain terhad kepada satu konstituen tunggal. Fokus sempit juga dikenali sebagai fokus argumen. Bertentangan dengan fokus ayat yang meletakkan fokus pada keseluruhan ayat, fokus sempit memberi fokus kepada satu konstituen ayat sahaja dan ia mungkin subjek, objek atau kata kerja. Ia dapat dilihat seperti Jadual 4.


JADUAL 4: Jumlah Bilangan Fokus Sempit

BIL	FOKUS SEMPLIT	JUMLAH %
1	SUBJEK	13.5%
2	OBJEK	8.0%
3	KATA KERJA	31.5%
JUMLAH		53%

Jadual 4 menunjukkan bahawa bilangan ujaran arahan guru yang memberi fokus terhadap fokus sempit adalah 53%. Penekanan ayat arahan terhadap fokus sempit yang diujarkan oleh guru ini ialah subjek, objek mahupun kata kerja semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Dalam kajian ini, didapati bahawa tiga jenis ayat arahan iaitu ayat suruhan, ayat permintaan dan ayat larangan ditemui terhadap fokus sempit manakala ayat silaan tidak ditemui. Contoh spektogram ayat arahan yang diujarkan oleh guru terhadap fokus sempit ialah:




RAJAH 9: Ayat Suruhan



RAJAH 10: Ayat Permintaan

Guru menggunakan teknik sempit untuk memberikan maklumat baru berdasarkan maklumat lama yang diketahui oleh murid. Hal ini berlaku kerana guru mengetahui bahawa murid mempunyai maklumat lama untuk dikaitkan dengan maklumat baru.

Dalam penyampaian arahan yang menggunakan ayat arahan, guru menggunakan ketiga-tiga jenis fokus iaitu fokus predikat, fokus sempit dan fokus ayat seperti yang telah dinyatakan oleh Van Vallin (2005). Carta 1 menunjukkan bilangan dan peratus ujaran arahan guru mengikut tiga kategori yang telah dibahagikan menurut Van Vallin (2005).



CARTA 1: Bilangan dan Peratus Ujaran Arahan Guru

Carta menunjukkan bahawa ketiga-tiga fokus iaitu fokus predikat, fokus sempit dan fokus ayat wujud dalam ujaran arahan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Sebanyak 100 ujaran arahan iaitu bersamaan 25.1% ujaran arahan yang berfokuskan kepada predikat. Manakala 212 ujaran arahan yang bersamaan 53.1% yang berfokuskan kepada fokus sempit iaitu sebahagian arahan sahaja yang difokuskan. Selain itu, sebanyak 87 ujaran arahan yang bersamaan 21.8% yang berfokuskan kepada ayat atau klausa. Jumlah keseluruhan ujaran arahan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung adalah sebanyak 399.

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa guru kerap menggunakan fokus sempit iaitu sebanyak 53.1% berbanding fokus predikat iaitu 25.1% dan fokus ayat iaitu 21.8%. Fokus sempit ini kerap digunakan guru semasa menyampaikan arahan di dalam kelas dan penekanan yang diberikan guru ialah kepada bahagian kata kerja, subjek serta objek. Pengaplikasian fokus arahan yang berkesan dan sesuai ini dapat menimbulkan situasi berkomunikasi dengan membantu menjelaskan arahan yang hendak disampaikan guru dan menjadikan interaksi di bilik darjah lebih menarik serta menjadi petanda kepada komitmen dan kesungguhan guru dalam melaksanakan pengajarannya.

Selain itu juga, dalam menyampaikan arahan, wujud perkaitan kreadibiliti guru terhadap strategi yang digunakan terhadap keberkesanan murid memahami arahan yang disampaikan dalam menjamin objektif pengajaran serta kejayaan diri murid tersebut. Ini selari dengan kenyataan Pogue et. al (2006), bahawa pengajaran yang berkesan adalah hasil daripada hubungan komunikasi antara guru dan murid serta kreadibiliti seorang guru itu. Arahan merupakan sebahagian daripada komunikasi lisan yang sering digunakan guru di dalam kelas. Dalam kajian ini, guru telah membuktikan bahawa strategi yang digunakan terhadap penyampaian arahan terhadap fokus sempit dapat membantu murid memahami arahnya.

Strategi yang kerap digunakan guru dengan memilih penekanan terhadap fokus sempit kerana terdapatnya perubahan tingkah laku selepas guru memberikan arahan serta dapat mewujudkan pengajaran yang berkesan. Hal ini menunjukkan bahawa strategi arahan guru juga berperanan mengekalkan momentum minat, kesungguhan dan keseronokan setiap murid untuk terus mengikuti pengajaran yang disampaikan guru serta dapat mempengaruhi kejayaan akademik seseorang murid.

Kajian mendapati guru banyak menggunakan ayat suruhan berbanding ayat permintaan, ayat larangan, dan ayat silaan. Ia dapat dilihat seperti Jadual 5.

JADUAL 5: Jumlah Penggunaan Ayat Arahan

Fokus	Ayat Arahan				
	Silaan	Larangan	Permintaan	Suruhan	Jumlah
Fokus Sempit	0	1	8	207	216
Fokus Predikat	0	1	2	95	98
Fokus Ayat	1	4	5	75	85
Jumlah	1	6	15	377	399
Peratus	0.3%	1.5%	3.8%	94.5%	100%

Jadual 5 menunjukkan jumlah penggunaan ayat arahan yang digunakan guru mengikut fokus yang diterapkan menurut Van Valin 2005. Hasil kajian mendapati guru lebih kerap menggunakan ayat suruhan iaitu sebanyak 94.5% berbanding ayat arahan yang lain iaitu ayat

permintaan 3.8%, ayat larangan 1.5% dan ayat silaan 0.3%. Didapati bahawa ayat suruhan ini kerap digunakan guru kerana ayat ini merupakan ayat yang diucapkan untuk memberi arahan atau perintah. Ayat ini juga digunakan guru disebabkan untuk meminta murid melakukan sesuatu tindakan. Jelasnya dalam kajian ini mendapati bahawa guru gemar dan sering menggunakan ayat arahan jenis ayat suruhan berbanding ayat yang arahan yang lain.

KESIMPULAN

Komunikasi lisan terhadap arahan dilihat sebagai proses penyampaian maklumat daripada guru kepada murid selaku penerima. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, terdapat tiga jenis penekanan ujaran arahan yang dilakukan guru iaitu fokus ayat, fokus predikat dan fokus sempit. Daripada ketiga-tiga jenis fokus tersebut, didapati bahawa arahan yang diberikan guru kerap menggunakan fokus sempit. Ini disebabkan murid sudah mempunyai maklumat lama dan guru hanya perlu menekankan atau memfokuskan kepada maklumat baharu sahaja kepada murid semasa memberikan arahan.

Kajian ini menghuraikan penerapan penekanan yang diberikan terhadap ujaran arahan guru dapat membantu murid memahami arahan guru. Oleh yang demikian, murid akan lebih cepat memahami arahan dan akur dengan arahan dengan cepat dan juga dapat membantu guru melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan juga menunjukkan prinsip memberikan arahan semasa pembelajaran berlangsung berdasarkan keperluan murid pada ketika itu. Ia juga menerapkan teknik penyampaian arahan semasa proses pengajaran mempunyai beberapa kepentingannya terhadap beberapa pihak. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pelbagai pihak terutamanya guru dan bakal guru yang akan menceburi dalam dunia pendidikan. Apabila dilihat menerusi aspek sistem pendidikan negara, kajian ini mempunyai kepentingan untuk penambahbaikan agar penyampaian pengajaran di sekolah menjadi lebih berkesan melalui teknik fokus yang diterapkan.

Rujukan

- Abdul Muati. 2001. *Santun komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdull Sukor Shaari. 2008. *Guru berkesan: Petua dan panduan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah & Ainon Mohd. 1999. *Kemahiran interpersonal untuk guru bestari*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Baker. 1982. *Kinesics and context: Essays on body-motion communication*. Victoria: Penguin Books.
- Ee Ah Meng. 1999. *Psikologi: Perkembangan aplikasi dalam bilik darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Kamus Dewan*. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maimunah. 2000. *Penggunaan penyoalan di dalam bilik darjah oleh guru-guru Maktab Perguruan Islam. Tesis Sarjana Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Nizam, Mohamed Yunos & Norhayati Eng Abdullah. 2006. Meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid-murid tahun 2K di SJK(C) St. Joseph. *Jurnal Kajian Tindakan Negeri Johor*;1-10.
- Mohd Yusof Hj. Abdullah, Noor Rahamah Abu Bakar, Junaenah Sulehan, Abd Hair Awang Dan Ong Puay Liu. 2011. Komunikasi dan pembangunan komuniti peringkat desa: Berkongsi

- pengalaman antara Indonesia dengan Malaysia. *Jurnal Melayu*, 6: 227-237.
- Mok, Soon Sang. 2006. *Ilmu pendidikan Untuk KPLI*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Muhammad Faisal. 2012. *Teknik seni lakon dalam pengajaran: Satu kajian kes di Negeri Selangor*. Tesis Sarjana Sastera. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Munsi Mohar. 2009. *Komunikasi berkesan dalam bilik darjah*. Muat turun 25 Oktober 2015 dari <http://munsimohar.blogspot.my>
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman. 2009. Kemahiran komunikasi guru pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik & Pendidikan*, 24: 125-142.
- Noraini Idris. 2005. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Petaling Jaya: McGraw-Hill (M).
- Saidatul Nornis. 2011. Kalang Mpat sebagai teknik interaksi Bajau Darat di Sabah. *Jurnal Melayu*, 7: 217-318.
- Teven J.J & Hanson, T.L. 2004. *The impact of teacher immediacy and perceived caring on teacher competence and trustworthiness*. *Communication Quarterly*: University Park, 51(1): 39-54.
- Van Valin, R. & LaPolla, R. 1997. *Syntax structure, meaning and function*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Van Vallin. 2005. *Exploring the syntax-semantics interface*. Cambridge: Cambridge University Press.

Biodata Penulis:

Farah Nur A.Hamid

Penulis merupakan calon Sarjana Falsafah Kajian Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan, dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maslida Yusof

Penulis merupakan pensyarah dalam bidang bahasa Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau dalam bidang pragmatik.